

KESEDARAN MEMBAYAR ZAKAT: APAKAH FAKTOR PENENTUNYA?

HAIRUNNIZAM WAHID
MOHD ALI MOHD NOOR
SANEP AHMAD

*Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Kesedaran akan tanggungjawab membayar zakat dilihat masih lagi di tahap yang rendah. Zakat yang dimaksudkan ialah zakat ke atas harta memandangkan masyarakat Islam sememangnya tidak ketinggalan membayar zakat fitrah di bulan Ramadhan setiap tahun. Ini berlaku antaranya disebabkan persepsi dan pemahaman masyarakat Islam yang menganggap membayar zakat hanya tertumpu kepada zakat fitrah semata-mata. Kesedaran ini boleh ditingkatkan sekiranya pendidikan dikemaskini, tindakan undang-undang terhadap keengganan membayar zakat dikenakan dan keyakinan golongan berkewajipan membayar kepada institusi zakat dapat diperbaiki. Lantaran itu, terdapat sebahagian kecil golongan ini mempunyai pelbagai alasan untuk tidak membayar zakat dan sebahagian pula membayar bukan kepada saluran rasmi kerajaan. Keadaan ini tidak seharusnya berlaku kerana keengganan membayar zakat bermakna pengambilan hak orang lain dalam penghasilannya. Keadaan kedua pula menunjukkan terdapat masalah keyakinan pembayar zakat terhadap institusi yang dilantik kerajaan. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dilihat dari perspektif lokasi, demografi, keyakinan, kemudahan, pendidikan dan seterusnya menentukan faktor yang paling signifikan menyumbang kepada pembayaran zakat. Kajian menggunakan model regresi logistik untuk menguji pemboleh ubah yang dipilih terhadap pembayaran zakat. Keputusan daripada analisis ekonometrik menunjukkan faktor kepuashatian agihan zakat oleh institusi zakat di samping beberapa faktor yang lain adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat. Beberapa cadangan juga diutarakan untuk membantu meningkatkan kesedaran pembayar zakat terhadap tanggungjawab mereka ini.

Kata Kunci: *Persepsi agihan zakat; institusi formal; model logistik.*

ABSTRACT

The awareness of the responsibility to pay (zakat) on property is still perceived to be very low among the zakat payers. This is perhaps due to the misunderstanding of the Muslim masses that the only responsibility to pay zakat is (fitrah) in the month of Ramadan. In this case the role of Islamic teaching plays a pivotal role in educating the Muslim through a law that enforces payment and the integrity of the zakat Institution. Because of the stated weaknesses, there exist certain individuals that have no legitimate reasons not to pay zakat, while some pay to unauthorised individuals or organizations. This problem of zakat evasion also represents the stealing of the wealth of others that lies in our property. Thus, this study aims to identify significant factors that contribute toward the payment of zakat relating to location, demographic, facility and educational factors. A logistic regression model was used to identify the variables. Results of the econometric analysis showed that payer satisfaction of zakat distribution is one of the significant factors and several suggestions are given to improve the awareness among the payers.

Keywords: *Perception on zakat distribution; formal institution; and logistic model.*

PENGENALAN

Perintah untuk mewujudkan institusi bagi mengutip zakat dapat dilihat daripada firman Allah s.w.t yang bermaksud;

“Ambillah sedekah dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah mereka”.

(At Taubah 9: 103)

Pembayaran zakat harta adalah wajib seperti pembayaran zakat fitrah. Institusi zakat pula berperanan mengutip zakat daripada umat Islam dan mengagihkannya kepada asnaf yang terlibat. Namun begitu, isu pembayaran zakat terutamanya zakat harta masih lagi rendah walaupun perintah Allah s.w.t jelas mewajibkan pembayaran zakat termasuklah zakat harta dan fitrah. Ini kemungkinan disebabkan terdapat ramai umat Islam yang masih keliru bahawa pembayaran zakat harta juga adalah wajib. Zakat harta dikenakan ke atas harta-harta yang berkembang seperti emas dan perak, tanaman, galian dan juga wang termasuklah simpanan, pendapatan gaji, saham dan sebagainya setelah cukup syaratnya. Kekeliruan ini menyebabkan jumlah kutipan zakat harta walaupun meningkat setiap tahun tetapi

peningkatannya setiap tahun masih lagi rendah. Berdasarkan jadual 1, pada tahun 2002, jumlah kutipan zakat keseluruhan di Malaysia adalah RM323.5 juta telah meningkat kepada RM 357.06 juta pada tahun 2003. Namun begitu peningkatan tahunan yang berlaku hanyalah sebanyak 10.37% sahaja walaupun dalam keadaan ekonomi negara yang sedang berkembang.

Jadual 1
Statistik Kutipan Zakat¹ di Malaysia Tahun 2003 dan 2002

Negeri	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Perubahan (%)
W.Persekutuan	92.90	80.85	14.9
Selangor	77.92	70.76	10.1
Terengganu	34.62	27.88	24.2
Johor	26.01	21.59	20.8
Perak	17.40	16.58	4.9
P.Pinang	19.07	17.89	6.6
Pahang	16.68	14.57	14.5
Kedah	18.32	18.07	1.4
Kelantan	13.88	12.01	15.6
N.Sembilan	14.01	12.61	11.1
Melaka	11.20	10.70	4.7
Sarawak	7.77	11.26	(31)
Sabah	2.68	3.11	(13.8)
Perlis	4.52	5.54	(18.4)
Jumlah	357.06	323.50	10.37

Nota: angka dalam () adalah bernilai negatif

¹ kutipan zakat harta

Sumber: Diubah suai daripada Laporan Zakat 2003 MAIWP

Jadual 1 juga menunjukkan walaupun kebanyakan negeri di Malaysia menunjukkan peningkatan jumlah zakat, namun hanya terdapat tujuh negeri yang menunjukkan peningkatan dalam kutipan iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu, Johor, Pahang, Kelantan dan Negeri Sembilan. Manakala bagi negeri-negeri lain, peningkatannya adalah amat rendah seperti Kedah (1.4%), Perak (4.9%), Pulau Pinang (6.6%) dan Melaka (4.7%) dan terdapat beberapa negeri yang mengalami kejatuhan dalam kutipan zakat berbanding tahun sebelumnya. Negeri-negeri yang dimaksudkan ialah Sabah, Sarawak dan Perlis yang masing-masing mengalami kejatuhan kutipan zakat sebanyak 31%, 13.8% dan 18.4%. Ini menunjukkan kesedaran pembayaran zakat masih lagi rendah di kalangan umat Islam di Malaysia.

Fenomena ini juga telah dibuktikan dalam kes zakat pendapatan gaji di Wilayah Persekutuan. Adalah dianggarkan hanya sejumlah 4.2% golongan profesional yang melaksanakan tanggungjawab mereka pada tahun 2001 (lihat Jadual 2). Ini menimbulkan persoalan adakah mereka yang berpendidikan tinggi dan profesional tidak sensitif terhadap pembayaran zakat pendapatan? Keadaan ini didapati masih terus berlaku walaupun pelbagai usaha dan kemudahan pembayaran telah ditingkatkan seperti kemudahan pembayaran melalui potongan gaji, pembukaan kaunter zakat di bank dan pejabat pos, Kawanku Phone Banking Maybank dan kemudahan atas talian (Maybank 2U). Namun begitu, ternyata golongan yang berkewajipan ini mempunyai alasan-alasan tertentu untuk tidak membayar zakat termasuklah membuat bayaran di pusat kutipan negeri lain atau kepada pelbagai saluran yang tidak rasmi. (Sanep & Hairunnizam, 2004).

Jadual 2
 Bilangan dan Peratusan Pembayar Zakat Pendapatan
 Golongan Profesional kepada MAIWP pada Tahun 2001

Bil.	Jenis Pekerjaan	Bil. Pembayar (Wilayah Persekutuan)
1.	Akauntan	213
2.	Arkitek	111
3.	Doktor	124
4.	Eksekutif Kerajaan	1684
5.	Juru Ukur	84
6.	Jurutera	817
7.	Peguam	47
8.	Pensyarah	172
Jumlah		3,252
Anggaran jumlah golongan profesional Muslim ¹		75,816
% Pembayar zakat pendapatan		4.2%

¹Bank Data Negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia
 Sumber: Laporan Zakat 2001 MAIWP

Ketersediaan institusi kutipan zakat sahaja sememangnya tidak menjamin pembayaran zakat oleh mereka yang sepatutnya berbuat demikian. Terdapat pelbagai faktor dalaman (nilai) seperti pengetahuan agama dan keimanan dan faktor luaran yang mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat. Isu ini menjadi lebih menarik kerana seolah-olahnya terdapat paradoks dalam gelagat individu Islam yang kaya di mana mereka lebih sanggup memberi pelbagai bentuk derma dan ‘sadaqah’ tetapi tidak membayar zakat harta. Kadar zakat yang dikenakan juga adalah kecil dan mampu

dibayar. Tambahan pula, ia adalah satu perintah yang wajib dilaksanakan bagi mereka yang memenuhi syaratnya seperti rukun-rukun Islam yang lain walaupun sekiranya negara sudah berada dalam keadaan kemewahan di mana semua rakyatnya berpendapatan tinggi. Terdapat juga situasi di mana kemungkinan pembayar zakat tidak berminat membayar zakat kepada institusi formal kerana ketidakkeyakinan mereka terhadap institusi zakat (Sanep & Hairunnizam 2004; Muhammad Syukri 2002; Mohamed Dahan 1998).

Bertolak daripada permasalahan pembayaran tersebut, kajian ini cuba mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keputusan pembayaran zakat kepada pihak berwajib. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat di Malaysia dan seterusnya memastikan institusi zakat berjaya menjalankan peranan sebagai badan penjamin keadilan sosial di kalangan umat Islam.

KAJIAN LEPAS

Zakat bermaksud penyucian diri, harta dan masyarakat. Ia menyucikan diri si miskin daripada perbuatan meminta-minta dan hasad dengki kepada golongan yang berada. Keadaan sosial akan menjadi lebih runcing lagi sekiranya golongan miskin ini melakukan pelbagai jenayah sosial seperti pencurian, pecah rumah dan lain-lain kesan daripada himpitan kemiskinan. Lantaran itulah menurut Imam Abu Hanifa, mengagihkan zakat kepada semua lapan asnaf yang dinyatakan dalam Al-Quran adalah bukan satu kemestian. Kutipan zakat boleh dibahagikan kepada satu asnaf sahaja walaupun terdapat asnaf-asnaf yang lain (Sidiqqi, 1981). Ayat At-Taubah (9:60) pula menjelaskan kepada kita asnaf yang patut mendapat keutamaan adalah asnaf fakir dan miskin. Walaupun kesemua asnaf mendapat pembahagian yang sama rata (satu perlapasan setiap asnaf), sekiranya mana-mana asnaf tidak dapat menghabiskan peruntukan tersebut, ianya mesti diserahkan kepada asnaf yang lain dengan memberi keutamaan kepada asnaf fakir dan miskin (Monzer, 1989).

Berkemungkinan disebabkan kadar zakat yang kecil mengikut keperluan semasa menyebabkan ada pendapat yang meminta supaya dikaji semula kadar nisab zakat terutamanya kepada sumber-sumber zakat kontemporari seperti zakat gaji (Zakariah, 2001). Perbincangan lain berkenaan asas zakat masih lagi dibahaskan seperti isu barangan zakat berbentuk aliran atau stok, duit kertas yang sering berubah nilainya, kombinasi zakat dan lain-lain. Kajian kepatuhan terhadap undang-undang zakat pula mendapati terdapat hubungan langsung di antara tanggapan individu kepada undang-undang zakat dan

kebarangkalian pembayaran zakat (Kamil, 2002). Keadaan ini adalah selari dengan teori kognitif yang mengatakan nilai dan moral individu mempengaruhi gelagat kepatuhannya. Pendidikan keimanan pula penting dalam menentukan tindakan ekonomi seorang Muslim (Qardawi, 1998). Ini kerana desakan-desakan untuk faedah peribadi merupakan satu yang lumrah dalam dunia ekonomi. Dorongan semulajadi ini akan bertukar menjadi egoisme buas sekiranya tidak disokong oleh nilai-nilai dalaman yang murni.

Menyelesaikan permasalahan nilai dan keimanan bukan satu perkara yang mudah. Menurut (Aidit, 1988) terdapat tujuh kumpulan atau golongan pembayar zakat mengikut tahap kesedaran dan keimanan, seperti golongan yang membayar zakat hanya sekiranya ada akta dan undang-undang yang mewajibkannya, golongan yang lebih takut sekiranya tidak membayar cukai berbanding zakat pendapatan, golongan yang tidak membayar kerana kejahilan, golongan yang terlalu banyak menyoal akan kewajipan zakat, golongan yang menganggap zakat sebagai beban dan golongan yang menggunakan helah dalam zakat serta golongan yang menganggap zakat hanya zakat fitrah sahaja. Faktor-faktor yang menurunkan kebarangkalian pembayaran zakat termasuk sikap malas untuk membayar, tiada keyakinan dengan institusi pungutan zakat serta fahaman politik yang berbeza.

Aspek kutipan dan pengagihan zakat merupakan perkara yang banyak dikaji oleh para pengkaji zakat. Prestasi kutipan zakat tidak dinafikan telah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Kajian oleh Mohd Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani (2004) telah menggunakan model logit menunjukkan bahawa faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau juga menunjukkan faktor kecekapan institusi menguruskan zakat adalah tidak signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Ini menunjukkan faktor sikap amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat berbanding faktor institusi. Pendapat ini adalah selari dengan kajian Kamil, Chek Derashid dan Engku Ismail (1997) yang menyatakan bahawa sikap kepatuhan amat penting dalam menentukan kepatuhan untuk membayar zakat. Sekiranya sikap patuh tidak ada pada diri mereka maka individu tidak akan membayar zakat. Aidit (1998) juga menyatakan untuk menyelesaikan masalah keengganan membayar zakat bergantung kepada tahap keimanan dan kesedaran seseorang individu. Tahap keimanan yang lemah ada kaitan dengan sikap tidak mahu membayar zakat terutama jika tidak adanya akta yang ketat mengenainya. Seseorang mungkin takut dan akan patuh jika adanya

akta dan undang-undang sebagaimana ia akan membayar cukai kerana adanya akta cukai. Sebahagiannya pula mungkin merasakan kewajipan zakat dianggap sebagai beban kerana tidak menyedari bahawa ia adalah tanggung jawab agama dan tanggungjawab sosial. Qardawi (1998) juga menjelaskan dalam kes ini bahawa faktor keimanan penting dalam menentukan tindakan ekonomi. Tanggungjawab agama yang berkaitan dengan harta mestilah didokong oleh faktor iman kerana tanpa iman ia tidak mungkin dapat dilakukan. Jika tanggapan ini berlaku maka individu akan menyamakan tanggungjawab zakat dengan beban cukai. Kamil (2002) dalam kajiannya yang lain menggunakan model logit memperkukuhkan hipotesisnya bahawa faktor sikap adalah penentu penting kepatuhan membayar zakat khususnya zakat pendapatan. Sikap adalah faktor dalaman individu dan ia telah dibuktikan menjadi salah satu faktor penentu kepada kepatuhan membayar zakat dan kepatuhan untuk membayarnya melalui institusi pungutan zakat.

Keberkesanan kaedah pengagihan zakat juga merupakan perkara yang amat penting dan tahap kecekapan pengurusan institusi pungutan zakat antara negeri juga adalah berbeza (Abdullah, 1999). Beberapa negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan beberapa negeri lain telah cuba meningkatkan kecekapan institusi ini melalui penswastaan kutipan dan pengagihan zakat. Walaupun terdapat beberapa pusat zakat telah diswastakan dalam aspek kutipannya namun sejauhmanakah ia signifikan mempengaruhi pembayaran zakat masih menimbulkan persoalan. Contohnya Selangor telah berjaya mengagihkan secara puratanya hampir 80% daripada jumlah kutipan zakat setiap tahun dan merupakan negeri yang terbaik dalam pengurusan agihan zakat berbanding Negeri Sembilan, Kedah dan Perak (Zulkefly, Mohd Azlan & Hairunnizam, 2002). Kejayaan ini disebabkan oleh jumlah kutipan yang memberangsangkan setiap tahun akibat kecekapan dan penswastaan PZS. Walaupun terdapat berkemungkinan kejayaan ini adalah akibat penswastaan kutipan zakat oleh Selangor, namun ia sukar untuk dibuktikan secara empirik. Kajian Zyadi dan Mariani (1999) menunjukkan peningkatan hasil kutipan zakat bukanlah semata-mata akibat penswastaan PZS tetapi juga disebabkan oleh faktor lain seperti kesedaran individu dan peningkatan dalam jumlah pendapatan. Ini dikuatkan lagi oleh kajian Nor Ghani, Mariani, Jaafar dan Nahid (2001) yang membuktikan bahawa penswastaan walaupun berjaya menambahkan hasil kutipan tetapi penambahan tersebut adalah tidak signifikan.

Oleh itu penilaian secara terbuka perlu dilakukan untuk memastikan institusi zakat dapat menguruskan zakat dengan lebih berkesan. Ini

berikutan terdapat beberapa kes negatif seperti pecah amanah dan salah guna wang zakat, pengurusan yang tidak cekap serta kaedah agihan yang tidak memuaskan di peringkat negeri yang melibatkan institusi zakat (Mohamed Dahan, 1998). Ini boleh menambahkan lagi ketidakpuasan hati masyarakat terhadap institusi ini. Kajian Muhammad Syukri (2002) contohnya menunjukkan di kebanyakan negeri di Malaysia, isu birokrasi menimbulkan masalah kepada asnaf yang ingin mendapatkan bantuan zakat. Asnaf terpaksa membuat permohonan zakat dengan mengisi borang yang ditetapkan dan kemudian akan dinilai dan ditapis kelayakannya oleh institusi zakat. Malangnya maklumat tentang cara membuat permohonan ini tidak diketahui oleh kebanyakan asnaf kerana kurangnya hebahan. Kebanyakan asnaf tidak mengetahui tempat untuk mendapatkan borang permohonan, cara mengisi dan masa untuk mengemukakan permohonan. Ini menyebabkan ramai asnaf tidak dapat menerima bantuan walaupun mereka sebenarnya layak menerima zakat. Amaun bantuan zakat yang diberikan juga amat kurang. Menurut Muhammad Syukri (2002) lagi, bantuan oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ) kepada fakir dan miskin adalah RM180 sebulan / keluarga di samping kain batik atau pelikat. Bagi PZS pula, jumlah bantuan adalah lebih banyak iaitu antara RM700 hingga RM1000 sebulan / keluarga disamping barangan yang lain. Walaupun terdapat amaun yang berbeza tetapi sebenarnya persoalan yang lebih penting ialah jumlah bantuan yang diberikan perlu sekurang-kurangnya sampai kepada satu tahap yang membolehkan individu fakir dan miskin berasa puas hati dengan bantuan yang diterima seperti yang telah dilakukan pada zaman Umar Al-Khattab (Abu Ubaid, 1981).

Mohd Parid (2001) turut menjelaskan pelbagai kaedah pengagihan zakat menurut perspektif Islam. Menurut beliau pengagihan zakat perlu mencapai satu tahap kecukupan dan keselesaan kehidupan golongan penerima zakat serta keluarga yang ditanggungnya. Menurut beliau lagi agihan tersebut perlu mencapai kadar tertentu yang menjamin kualiti hidup yang berterusan. Ia membawa maksud kesan agihan zakat kepada asnaf perlu mencapai satu piawaian kualiti hidup sekurang-kurangnya mencapai kegunaan barang keperluan dan kecukupan. Sejauh manakah asnaf berpuas hati dengan amaun bantuan zakat ini masih belum dapat dipastikan dengan tepat. Kajian oleh Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali (2004) terhadap asnaf di daerah Taiping (Perak), Jerantut (Pahang) dan Sandakan (Sabah) menunjukkan sebanyak 66% asnaf fakir dan miskin tidak berpuas hati dengan kualiti hidup mereka yang asas terutamanya kualiti hidup pengangkutan dan perhubungan dan kualiti hidup kesihatan. Kajian ini juga mendapati amaun zakat memberi kesan yang signifikan dalam

peningkatan kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. Muhammad Syukri (2002) juga telah menunjukkan sebanyak 86.3% fakir miskin di Jajahan Bachok, Kelantan merasakan pelaksanaan zakat tidak meringankan beban hidup mereka dan 99.6% mengatakan pengurusan zakat sekarang tidak boleh melepaskan diri mereka daripada kemiskinan. Oleh itu, kesemua kajian ini menunjukkan amaun bantuan zakat amat signifikan mempengaruhi kehidupan golongan fakir dan miskin sekurang-kurangnya untuk memperbaiki kemudahan dan kualiti asas hidup.

Abdul Monir (2001) pula berpendapat walaupun agihan zakat menjadi tanggungjawab pihak berkuasa, namun pengagihan zakat yang dilakukan sendiri tidak menjadi satu kesalahan sekiranya penerima zakat memenuhi kategori lapan asnaf yang ditetapkan. Pihak mufti pula hendaklah memberikan sandaran yang kuat mengenai agihan bagi kumpulan yang mungkin masih boleh dikategorikan di bawah asnaf yang lapan seperti bantuan kepada pihak pengurusan masjid di bawah asnaf fisabilillah. Oleh itu aspek agihan zakat oleh institusi zakat merupakan aspek yang perlu dititik beratkan oleh pusat zakat. Walaupun jumlah kutipan zakat adalah memberangsangkan, namun aspek agihan zakat tidak kurang pentingnya kepada umat Islam malah ia sebenarnya amat penting bagi memastikan golongan fakir miskin dapat dikurangkan. Persoalannya adakah benar aspek kepuasan agihan akan mempengaruhi pembayaran zakat melalui institusi formal. Adakah ia mempengaruhinya secara signifikan? Persoalan tersebut akan dijelaskan dalam kajian ini.

METODOLOGI

Analisis kajian ini adalah kepada individu Islam merangkumi beberapa negeri di Malaysia. Pensampelan dilakukan secara rawak ke atas 2500 individu mengikut negeri di Semenanjung Malaysia. Setiap negeri diwakili oleh bilangan individu yang berbeza secara umumnya bergantung kepada saiz penduduk.

Data akan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik mengikut negeri untuk melihat kebarangkalian kepatuhan individu membayar zakat. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini berbentuk diktomus iaitu sama ada membayar zakat atau tidak membayar zakat. Memandangkan pemboleh ubah bersandar berbentuk diktomus dan pemboleh ubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial (Gujerati 2003). Model yang akan dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

di mana:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden yang membayar zakat iaitu $Y = 1$ dan $Y = 0$ bagi responden yang tidak membayar zakat.

Persamaan (1) boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \quad (2)$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi responden membayar zakat iaitu $Y = 1$ maka kebarangkalian bagi responden tidak membayar zakat ialah $Y = 0$ iaitu bersamaan $(1 - P_i)$. Oleh itu kebarangkalian tidak membayar zakat ialah:

$$(1 - P_i) = 1 / (1 + e^z) \quad (3)$$

Oleh itu ratio kebarangkalian untuk responden membayar zakat adalah dalam persamaan (4) iaitu:

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \quad (4)$$

Dengan mengambil natural log bagi persamaan (4) maka akan mendapat persamaan (5) iaitu :

$$\begin{aligned} L &= \ln(P_i / (1 - P_i)) = \ln(e^z) \\ &= Z_i \\ &= f(X) \end{aligned} \quad (5)$$

Berdasarkan persamaan (5) kajian ini juga menguji beberapa pemboleh ubah yang dipertimbangkan mempengaruhi pembayaran zakat iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (6)$$

Di mana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, taraf pendidikan, bekerja atau tidak bekerja, bidang pekerjaan, pendapatan bulanan, bilangan tanggungan, perbelanjaan isi rumah bulanan dan kepuasan terhadap agihan zakat oleh institusi zakat.

Oleh itu, berpandukan kepada persamaan (6), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$L = \ln(P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} \quad (7)$$

Di mana :

- L adalah log bagi nisbah 'odds' kepatuhan
- X_1 adalah dami jantina; = 1 untuk lelaki, 0 untuk wanita
- X_2 adalah umur responden
- X_3 adalah dami taraf perkahwinan; = 1 untuk berkahwin, 0 untuk tidak berkahwin
- X_4 adalah dami pengetahuan agama; = 1 untuk berpengetahuan agama, 0 untuk tiada pengetahuan agama
- X_5 adalah dami tahap pendidikan; = 1 untuk berpendidikan tinggi, 0 untuk tidak berpendidikan tinggi
- X_6 adalah dami bekerja; = 1 jika masih bekerja, 0 untuk tidak bekerja
- X_7 adalah dami jenis pekerjaan; = 1 untuk profesional, 0 untuk tidak profesional
- X_8 adalah jumlah pendapatan bulanan
- X_9 adalah bilangan tanggungan
- X_{10} adalah jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah
- X_{11} adalah dami kepuasan agihan zakat, = 1 jika berpuas hati, 0 jika tidak berpuas hati

Pemboleh ubah jumlah pendapatan digunakan memandangkan ia merupakan salah satu pemboleh ubah yang penting mempengaruhi pembayaran zakat (Zyadi & Mariani, 1999). Pemboleh ubah lain seperti bilangan tanggungan juga dilihat memandangkan ia merupakan pemboleh ubah yang penting dalam menentukan kemampuan membayar zakat oleh pembayar zakat (Zainal Abidin, 2003). Faktor lain seperti jantina, pengetahuan agama dan sebagainya juga turut dikaji untuk menguji sejauh manakah ia signifikan mempengaruhi pembayaran zakat seperti yang telah dilakukan oleh kajian-kajian yang lepas (Kamil 2002; Mohd Ali, Hairunnizam & Nor Ghani, 2004). Dalam kajian ini pemboleh ubah kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat dijangkakan signifikan mempengaruhi pembayaran zakat sebagaimana telah dibuktikan dalam kajian terdahulu (Sanep & Hairunnizam, 2004).

Pemboleh ubah bersandar adalah bernilai 1 jika responden menyatakan membayar zakat dan sebaliknya ia memberi nilai 0 jika responden tidak membayar zakat. Kesemua pemboleh ubah dalam persamaan (7) diuji untuk menentukan manakah pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi pembayaran zakat harta.

HASIL KAJIAN

Jadual 3 menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat frekuensi yang berbeza antara mereka yang membayar zakat dan tidak membayar zakat iaitu masing-masing sebanyak 47% dan 53%. Ini menunjukkan masyarakat Islam yang membayar zakat dan tidak membayar zakat adalah tidak seimbang. Secara eksplisitnya jadual tersebut jelas menunjukkan ramai antara responden tidak membayar zakat berbanding mereka yang membayar zakat.

Jadual 3
Kekerapan Membayar Zakat

	Kekerapan	Peratusan
Membayar Zakat	1208	47
Tidak Membayar Zakat	1363	53
Jumlah	2571	100

Jadual 4 menunjukkan penilaian terhadap kesesuaian model logit kepada data yang telah dikutip daripada responden. Ia membandingkan nilai yang dijangkakan daripada pemboleh ubah bersandar iaitu pembayaran zakat dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Jadual klasifikasi tersebut menunjukkan model ini meramal 69.3% daripada pemerhatian sebenar. Model ini juga berupaya untuk meramal mereka yang membayar zakat berbanding tidak membayar zakat. Perlu diingatkan bahawa jumlah yang membayar zakat dan yang tidak membayar zakat adalah tidak begitu seimbang. Dengan lain perkataan walaupun model ini berjaya meramal dengan betul lebih daripada 50% pemerhatian dengan betul tidak seharusnya digunakan sebagai ukuran kesesuaian model. Oleh itu, dalam kajian ini kriteria kemungkinan bernisbah (lihat Hair, Anderson, Tatham & Black, 1992) akan digunakan seperti persamaan berikut:

$$C_{\text{prop}} = p^2 + (1 - p)^2 \quad (8)$$

Jadual 4
Jadual Klasifikasi Regresi Logistik

Pemerhatian	Diramalkan	
	Membayar Zakat	Tidak Membayar Zakat
Membayar Zakat	789	326
Tidak Membayar Zakat	337	710

Nota : Klasifikasi benar (%)

Membayar Zakat = 70.8%; Tidak Membayar Zakat = 67.8%; Keseluruhan = 69.3%

Apabila kriteria ini digunakan untuk sampel dengan nisbah 47% dan 53% (lihat jadual 3), tahap yang harus digunakan untuk menguji kesesuaian model ialah 50.18%. Jadual 4 jelas menunjukkan keupayaan model yang dianggar meramal dengan betul 69.3% daripada pemerhatian sebenar mengatasi tahap yang diperlukan untuk kesesuaian model.

Jadual 5 pula menunjukkan hasil keputusan regresi logistik binomial yang juga menggunakan persamaan (7) iaitu menguji pengaruh kepuasan agihan zakat terhadap pembayaran melalui institusi formal. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat 6 pemboleh ubah signifikan mempengaruhi masyarakat Islam membayar zakat iaitu pemboleh ubah jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan bulanan, perbelanjaan bulanan dan kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat. Apa yang menariknya kesemua pemboleh ubah kecuali pemboleh ubah perbelanjaan bulanan amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pada aras keertian 1%. Pemboleh ubah perbelanjaan bulanan adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pada aras keertian 10% sahaja.

Jadual 5
Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial

Pembolehubah Bebas	Koefisien	Exp Koefisien	Statistik Wald
Konstan	-3.763***	0.023	153.801
Jantina	-0.395***	0.674	14.770
Umur	0.537***	1.711	73.448
Taraf Perkahwinan	0.388***	1.474	10.289
Pengetahuan Agama	0.215	1.240	2.552
Pendidikan	0.068	1.070	0.326
Bekerja	0.227	1.255	1.300
Jenis Pekerjaan	-0.028	0.972	0.064
Pendapatan	0.553***	1.739	71.399
Bil Tanggungan	0.039	1.039	0.287
Perbelanjaan	0.113*	1.120	3.601
Puas hati agihan zakat	0.368***	1.445	13.821

Nota: * signifikan pada aras keertian 10%

*** signifikan pada aras keertian 1%

Magnitud pengaruh pemboleh ubah tersebut dapat dilihat dengan mudah daripada jadual 5. Keenam-enam pemboleh ubah selain jantina berhubungan secara positif dengan pembayaran zakat. Bagi pemboleh ubah jantina, ia berhubungan negatif dengan pembayaran zakat pada nilai exp koefisien 0.674. Ia menunjukkan terdapat kebarangkalian pembayaran zakat kurang dilakukan oleh lelaki tetapi lebih ramai

dilakukan oleh wanita. Bagi pemboleh ubah umur, nilai log nisbah odds adalah 0.537 di mana nilai exp koefisien ialah 1.711. Ini bermakna jika pemboleh ubah umur meningkat sebanyak 1 unit, maka pembayaran zakat oleh individu akan meningkat sebanyak 71.1%. Manakala nilai log nisbah odds bagi pemboleh ubah taraf perkahwinan adalah 0.388 dengan nilai exp koefisien adalah 1.474. Ini menunjukkan sekiranya individu tersebut telah berkahwin, terdapat kebarangkalian yang tinggi individu tersebut membayar zakat. Sekiranya ia meningkat 1 unit, maka kebarangkalian membayar zakat akan meningkat sebanyak 47.4%. Bagi pemboleh ubah pendapatan, ia juga berhubungan secara positif dengan kesediaan individu membayar zakat. Nilai log nisbah odds pemboleh ubah tersebut ialah 0.553 dengan nilai exp koefisien 1.739. Ini bermakna bahawa apabila berlaku peningkatan 1 unit dalam pendapatan akan menyebabkan peningkatan kebarangkalian individu membayar zakat sebanyak 73.9%, iaitu semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kebarangkalian untuk membayar zakat. Nilai exp koefisien 1.739 menunjukkan bahawa perunit peningkatan dalam pendapatan akan meningkatkan kebarangkalian membayar zakat sebanyak 0.739%. Bagi pemboleh ubah perbelanjaan bulanan isi rumah, nilai log nisbah odds ialah 0.113 dan signifikan pada aras keertian 10%. Nilai exp koefisien 1.120 bermakna bahawa peningkatan setiap unit perbelanjaan akan meningkatkan kemungkinan membayar zakat sebanyak 12%. Perbelanjaan ternyata berhubungan positif dengan kebarangkalian membayar zakat yang membawa makna penambahan perbelanjaan tidak menyebabkan pengurangan kebarangkalian membayar zakat. Ini berlaku kerana perbelanjaan bukan sahaja untuk keperluan asas tetapi meliputi semua aspek perbelanjaan yang melambangkan taraf kekayaan seperti perbelanjaan kenderaan, perubatan dan melancong. Oleh yang demikian, semakin tinggi perbelanjaan bermakna semakin tinggi taraf kekayaan dan akan semakin tinggi kemungkinan untuk membayar zakat.

Kajian ini juga membuktikan pemboleh ubah kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat amat signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar zakat dan menyokong kajian Sanep dan Hairunnizam (2004). Log nisbah odds bagi pemboleh ubah ini ialah 0.368 dan signifikan pada aras keertian 1%. Nilai exp koefisien adalah 1.445 yang bermakna bahawa sekiranya kepuasan agihan zakat meningkat sebanyak 1 unit, maka kesediaan individu membayar akan meningkat sebanyak 44.5%. Sebaliknya jika individu membayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat, maka kebarangkalian untuk tidak membayar zakat ialah 55.5%. Ini menunjukkan bahawa aspek kepuasan terhadap agihan zakat merupakan satu aspek yang penting mempengaruhi pembayaran zakat.

IMPLIKASI DASAR

Kajian ini menimbulkan beberapa implikasi penting iaitu pertama pihak institusi zakat perlu meningkatkan lagi kefahaman masyarakat Islam di Malaysia melalui pelbagai cara termasuklah penerangan, ceramah, kempen dan sebagainya. Kajian ini mendapati faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan perbelanjaan adalah signifikan mempengaruhi kepatuhan untuk membayar zakat. Memandangkan umur yang semakin meningkat dan setelah berkahwin serta pendapatan yang semakin tinggi menunjukkan akan semakin tinggi kesedaran membayar zakat maka kempen penerangan tersebut perlulah didasarkan khususnya kepada golongan muda-mudi dan mereka yang belum berkahwin serta mereka yang berpendapatan agak rendah. Kumpulan ini dirasakan masih kurang kesedaran membayar zakat tetapi berpotensi untuk menjadi pembayar zakat pada masa hadapan. Namun begitu faktor pengetahuan agama dan tahap pendidikan tidak mempengaruhi pembayaran zakat secara signifikan. Ini berkemungkinan disebabkan masyarakat Islam di Malaysia secara umumnya mempunyai asas pendidikan agama Islam yang hampir sama. Keseluruhannya sedia mengetahui kewajipan membayar zakat dan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara mereka yang berlatar belakang pendidikan agama dengan pendidikan kebangsaan. Kesamaan di dalam asas pengetahuan agama telah dapat membina kesamaan dalam faktor dalaman yang mempengaruhi ketaatan untuk membayar zakat seperti iman dan nilai-nilai murni dalam diri manusia (Mohd Ali *et al.* 2004).

Tahap pendapatan serta perbelanjaan individu dan isi rumah juga mempengaruhi secara signifikan pembayaran zakat. Kajian ini menyokong Zyadi & Mariani (1999) serta Nor Ghani *et al.* (2001) yang menunjukkan faktor pendapatan amat penting dalam mempengaruhi pembayaran zakat. Semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kebarangkalian individu membayar zakat memandangkan pendapatan yang tinggi akan mencukupi syarat cukup nisab zakat. Ini dapat dilihat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang merupakan antara negeri maju di Malaysia yang sentiasa memperolehi jumlah kutipan zakat yang tinggi setiap tahun. Oleh itu, negeri yang mempunyai tahap ekonomi yang tinggi sepatutnya memperolehi jumlah kutipan zakat yang tinggi. Sekiranya terdapat sebarang negeri yang berpendapatan tinggi tetapi kutipan zakatnya masih rendah berbanding negeri lain maka ini bermakna hasil kutipan zakat di negeri tersebut masih kurang daripada yang sepatutnya. Pihak berwajib di negeri tersebut perlu berbuat sesuatu untuk meningkatkan hasil kutipan zakat mereka.

Kajian ini juga mendapati kecekapan pengurusan institusi zakat terutamanya aspek agihan zakat adalah penting dalam mempengaruhi kutipan zakat. Masyarakat sebenarnya amat berharap agar institusi zakat berjaya mengagihkan zakat yang telah mereka zakatkan kepada asnaf-asnaf yang terlibat terutamanya asnaf fakir dan miskin. Kejayaan agihan akan dapat meningkatkan lagi sosio-ekonomi umat Islam dan memastikan jumlah isi rumah miskin Islam di Malaysia semakin berkurang. Kajian ini menunjukkan sekiranya pihak institusi zakat berjaya mengagihkan kutipan zakat secara cekap dan adil, maka masyarakat akan cenderung membayar zakat dan akhirnya jumlah kutipan zakat di setiap negeri akan meningkat. Sebaliknya jika institusi zakat gagal mengagihkan wang zakat secara cekap dan adil, kemungkinan masyarakat akan cuba mengelak membayar zakat kepada institusi zakat tetapi sebaliknya akan membayarnya secara terus kepada asnaf fakir dan miskin. Oleh itu institusi zakat perlu menunjukkan kecekapan dan ketelusan mereka dalam mengagihkan wang zakat bagi memastikan masyarakat akan membayar zakat kepadanya.

Usaha perlu dilakukan bagi mengelakkan masyarakat membayar zakat terus kepada asnaf kerana pembayaran terus kepada asnaf akan menyebabkan bocoran dalam kutipan zakat. Ini akan menyebabkan jumlah kutipan oleh institusi zakat berkurang dan seterusnya mengurangkan agihan kepada asnaf. Pada masa yang sama pembayaran terus kepada asnaf akan menyebabkan agihan zakat menjadi tidak sekata. Tumpuan masyarakat yang membayar zakat terus kepada asnaf biasanya hanyalah kepada golongan fakir dan miskin. Oleh itu sesetengah mereka akan menerima zakat berlipat ganda sedangkan yang lain pula tidak menerimanya disebabkan maklumat yang tidak lengkap. Di samping itu berkemungkinan juga hanya segolongan asnaf sahaja yang menerima bantuan zakat terutamanya fakir dan miskin tetapi mengabaikan asnaf-asnaf yang lain seperti *Al-Ghorimin*, *Al-Riqab*, *Al-Muallaf*, *Ibnu-Sabil* dan *Fi-Sabilliah*. Tindakan ini seolah-olah menyempitkan fungsi zakat.

KESIMPULAN

Peningkatan kesedaran membayar zakat adalah penting. Ini memandangkan ia adalah satu perkara yang wajib dan merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Masyarakat masih lagi kurang kesedaran membayar zakat harta kerana terdapat masyarakat Islam yang hanya mengetahui zakat fitrah sahaja yang wajib. Sekiranya masyarakat Islam mengetahuinya sekalipun, kesedaran membayar

masih lagi rendah. Oleh itu pihak institusi zakat perlu mempertingkatkan lagi kempen serta ceramah untuk memastikan masyarakat Islam di Malaysia sedar akan kepentingan pembayaran zakat dan mengetahui matlamat serta falsafah di sebalik zakat. Persepsi masyarakat Islam terhadap institusi zakat juga perlu diperbaiki melalui peningkatan tahap kecekapan dalam pengurusan zakat. Ini boleh dilakukan seperti model di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan di mana negeri-negeri ini telah menubuhkan pusat zakat negeri seperti pusat zakat Selangor (PZS) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Langkah ini telah dapat menambahbaik lagi kecekapan urusan zakat, meningkatkan lagi kutipan zakat dan akhirnya agihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan tersusun.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohd Hassan. (1998). *Antara zakat dan cukai pendapatan: Satu analisis penyelarasan*. Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan di Pusat Matrikulasi USM, 5-6 November 1998.
- Abdul Monir Yaacob. (2001). Garis panduan agama dalam pengagihan dana zakat. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah pengagihan dana zakat; satu perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Abdullah Ibrahim. (1999). *Agihan zakat menurut prinsip siasah shariyyah*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor. Shah Alam. 17 Mei 1999.
- Abu Ubaid. (1981). *Al-Amwal*. Cairo.
- Aidit, Ghazali. (1998). *Zakat- satu tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Gujerati, D. N. (2003). *Basic Econometrics*. (4th Ed.) New York: McGraw Hill.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black. W. C. (1992). *Multivariate data analysis with readings*. (3rd ed.). New York: Macmillan Publishing Company.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2004). *Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin*. Dalam Muhammad Muda et. al. (penyt.) *Proceedings National Seminar in Islamic Banking & Finance (IBAF) 2004*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication pp 197-205.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid & Engku Ismail. (1997). *Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan muslimin negeri Perlis*. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Kamil Md. Idris. (2002). *Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Dalam

- Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd. pp 201-212.
- Laporan Zakat 2003. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Laporan Zakat 2001. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid. (1999). *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia*. Dlm Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. pp 293-306.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, *Islamiyyat* 26(2), 59-68.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). *Zakat management and administration in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Parid Syekh Ahmad. (2001). *Kaedah pengagihan dana zakat: satu perspektif Islam*. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Monzer Khaf. (1989). *Zakat : Unresolved Issue in The Contemporary Fiqh. Journal Of Islamic Economic*. 2 (1), 1-21.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). *Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoritis*. Dalam Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd. pp 105-118.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail. (2001). *Can privatization improve performance ? Evidence from zakat collection institutions*. Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Qardawi, Yusof. (1998). *Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam*. (terj). Kuala Lumpur. Metacorp Bhd.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2004). Persepsi dan kesedaran terhadap perluasan sumber zakat harta yang diikhtilaf. Dalam Prosiding Seminar Halatuju Zakat Korporat di Alaf Baru, Kumpulan Kajian Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia. pp 35-62.
- Siddiqi, Muhammad Iqbal. (1981). *Economic security in Islam*. Trans. Yusof Al-Qardawi. Lahore : Kazi Publications.
- Zainal Abidin Jaafar (2003). *Pengalaman Jakim dan kementerian luar bandar dalam menangani masalah kemiskinan*. Dalam Bengkel Kebangsaan Kemiskinan dan Jaminan Sosial Asnaf Fakir dan Miskin. UiTM Melaka.

- Zakariah, A. Rashid. (2001). *Penetapan asas dan kadar zakat: Kesannya kepada zakat gaji*. Kertas Kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam. Anjuran Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefly Abdul Karim, Mohd Azlan Shah Zaidi & Hairunnizam Wahid. (2002). *Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat di negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan cabaran*. Dalam Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd. pp 79-94.